

'Tawarannya sukar kami tolak'

KUALA LUMPUR 11 Jun – Boustead Holding Bhd. dipilih menjadi pemilik baru Pharmaniaga Bhd. kerana kumpulan itu diyakini mampu mengembangkan perniagaan tersebut ke peringkat yang lebih baik.

Pengerusi UEM Group Bhd., Tan Sri Ahmad Tajuddin Ali tidak menafikan syarikat itu agak selektif dalam memilih pembeli Pharmaniaga untuk memastikan sya-

rikat penjagaan kesihatan tersebut terus beroperasi untuk orang ramai dan kakitangannya.

“Saya akui kita menerima banyak cadangan tawaran daripada syarikat lain tetapi dalam pemilihan ini, kami begitu mengambil berat mengenai hala tuju Pharmaniaga seterusnya,” katanya di sini hari ini.

Perkara itu penting untuk memastikan

penjualan Pharmaniaga tidak merugikan mana-mana pihak tetapi sebaliknya menguntungkan semua, jelas beliau.

Ketika ditanya mengenai harga jualan Pharmaniaga sebanyak RM534 juta itu, beliau secara berseloroh berkata: “Boustead membuat tawaran (harga) yang tidak boleh kami tolak”.

Jelasnya, pelupusan Pharmaniaga adalah

strategi syarikat untuk terus menumpukan perhatian kepada empat perniagaan terasnya.

Ia adalah kejuruteraan dan pembinaan lebuhraya, hartanah dan sebuah lagi perniagaan yang berkaitan pengurusan aset serta kemudahan.

“Perniagaan keempat ini akan kami beritahu nanti,” ujarnya.

Date:

June 12, Saturday 2010

Placement In Publication ;

Bisnes – Page 23 (2)

File :

Pharmaniaga